

Kaedah Pengekalan Dan Pemuliharaan Tanaman Sedia Ada

**Langkah Pengekalan Dan Pemuliharaan Tanaman Sedia Ada
Kaedah Pengekalan dan Pemuliharaan**



5.0 KAEDAH PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN TANAMAN SEDIA ADA

Pengekalan dan pemuliharaan tanaman sedia ada terkandung di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933), Bahagian VA - Perintah Pemeliharaan Pokok.

Perintah Pemeliharaan Pokok ini mengambil kira pokok sebagai:

- sebatang pokok.} Melarang penebangan pokok kecuali kebenaran bertulis dan tertakluk kepada
- pokok-pokok. } syarat, jika ada oleh PBT dan memastikan penanaman dan penggantian pokok
- kelompok pokok.} dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan oleh PBT.

Pokok yang tertakluk di bawah Perintah Pemeliharaan Pokok ini adalah seperti berikut:

- i. Pokok yang mempunyai ukur lilit melebihi 0.8m, di mana ukur lilit (diameter) batang pokok diukur 0.5m dari permukaan aras tanah. Untuk pokok berakar banir, ukur lilit batang disukat dari atas akar banir.
- ii. Pokok Induk (Mother tree) – pokok matang yang digunakan sebagai pokok untuk menghasilkan stok biji benih untuk menjamin kesinambungan sesuatu spesis.
- iii. Pokok yang spesisnya adalah spesis pokok yang terancam dengan masalah kepupusan.
- iv. Pokok yang dikenalpasti mempunyai nilai perubatan.
- v. Pokok yang mempunyai nilai sejarah dan warisan.
- vi. Pokok yang menjadi habitat kepada hidupan liar dan tidak membahayakan manusia.

Denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan mengikut seksyen 35E(5) jika sabit kesalahan bagi menebang pokok yang telah dikeluarkan Perintah Pemeliharaan Pokok.

Denda tidak lebih daripada RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan mengikut seksyen 35H(3) jika sabit kesalahan menebang pokok yang berukuran lilit melebihi 0.8m diukur 0.5 dari paras tanah.

Berdasarkan **Bahagian VA Akta 172** - peruntukan ini memberikan perlindungan khas kepada pokok matang (pokok yang mempunyai ukur lilit melebihi 0.8m) untuk memastikan pokok matang tidak boleh ditebang dan wajib dipelihara dalam sesuatu pembangunan, kecuali di atas sebab berikut:

- i. Pokok yang hampir mati atau yang telah mati.
- ii. Pokok yang mendatangkan bahaya.

Namun begitu, penebangan pokok ini perlu terlebih dahulu mendapat pengesahan dan keizinan daripada pihak Berkuasa Perancangan Tempatan.

KAEDAH PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN POKOK SEDIA ADA

5.1 LANGKAH PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN TANAMAN SEDIA ADA UNTUK KERJA LANDSKAP

- i. Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyediakan inventori pokok, Penilaian Risiko Pokok dan mewartakan pokok-pokok yang perlu dipelihara bagi tujuan pengurusan landskap.
- ii. Sediakan Pelan Pengekalan dan Pemeliharaan Pokok Sedia Ada. Pokok sedia ada di kawasan tapak projek dikenalpasti dan maklumat berikut perlu direkodkan:
 - a. Jenis - nama botani dan tempatan
 - b. Ukur lilit batang dan nombor daftar pokok
 - c. Ketinggian keseluruhan pokok.
 - d. Saiz silara pokok.
 - e. Masalah dan penyakit pokok serta tindakan pengawalan (jika ada).
 - f. Gambar foto setiap pokok.
 - g. Lokasi pokok.
 - h. Nilai ekonomi pokok
- ii. Langkah dan kaedah pengekalan pokok perlu dinyatakan dalam Pelan, dengan mengambilkira keadaan kontor topografi sedia ada.

5.2 KAEDAH PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN


- i. **Perlindungan Pokok**
 - a. Perlindungan asas – penyediaan pagar atau penghadang di sekeliling pokok. Pembinaan pagar mestilah di dalam kawasan zon akar.
 - b. Pokok yang terlalu hampir dengan bangunan perlu dipangkas tanpa merosakkan bentuk pokok.
 - c. Perlu menyediakan saliran yang baik di kawasan sekitar pokok.
 - d. Penggunaan jentera berat di kawasan zon akar perlu dielakkan supaya tidak mengganggu sistem pengakaran.
 - e. Elakkan dari pencemaran tanah di kawasan zon akar yang disebabkan oleh penggunaan bahan kimia.



Akta 172 memberi pelindungan pokok-pokok yang mempunyai nilai sejarah dan juga pokok yang berukuran lilit melebihi 0.8 m .

ii. Rawatan Untuk Kerja Penggalian

- a. Jarak minimum penggalian adalah 1.0m dari batang pokok. Adalah disyorkan mengikut saiz silara pokok.
- b. Untuk menstabilkan tanah, tembok kecil perlu dibina di sekeliling akar pokok.
- c. Penggalian tanah melebihi 150mm perlu dielakkan untuk mengelakkan sistem akar terpotong.




Kaedah rawatan yang sesuai untuk kerja penggalian

iii. Rawatan Untuk Kerja Penambakan Pokok Kecil (*ukur lilit kurang dari 0.5m*)

- a. Kawasan sekitar 500mm diameter dari pangkal pokok perlu dibina tembok penahan.
- b. Kawasan sekitar pangkal di susun dengan batu kecil.

Catatan :

Pokok besar dan penambakan tanah melebihi 150mm perlu dibina tembok penahan dalam jarak 1.0m dari batang pokok dan diletakkan dengan susunan batu kecil.



Kaedah rawatan yang sesuai untuk kerja penambakan

